

514:
MAHATHIR

1976

MELAKA, 15 MEI (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, FIMA MENGGALAKKAN PENYERTAAN DAN KERJASAMA PIHAK SWASTA LUAR DAN DALAM NEGERI UNTUK PROJEK-PROJEK YANG TELAH DISUSUN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA PENERUSI FIMA BERKATA, FIMA JUGA TELAH MENGADAKAN BEBERAPA RANCANGAN SEJAJAR DENGAN PELAKSANAAN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA DALAM PERUSAHAAN MAKANAN DAN BERKAITAN DENGANNYA.

PELUANG UNTUK MENCUBA IDEA BARU SERTA MENGHADAPI CABARAN PERUSAHAAN YANG BERASASKAN PERTANIAN TERLALU BANYAK, KATANYA KETIKA BERUCAP DI UPACARA PEMBUKAAN KILANG KOTAK MALAYSIA SDN. BHD YANG DIRASMIKAN OLEH GABENOR MELAKA, TAN SRI SYED SHAHARUDDIN.

MENURUTNYA, TERPULANGLAH KEPADA PENGUSAHA NEGERI INI MENGGUNAKAN KEDIJAKSANAAN DAN MENYALURKAN DAYA USAHA DAN KEMAHIRAN USAHAWAN MELALUI KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN.

PIHAK KERAJAAN, TELAH PUN MENGADAKAN BERBAGAI LANGKAH BAGI MENGGALAKKAN PERUSAHAAN YANG MENGGUNAKAN KEKAYAAN NEGARA MELALUI PENGURUSAN DAN TEKNOLOGI MODEN. -- BERSAMBONG 1220/SZ

515:
MAHATHIR 2 MELAKA

BELIAU JUGA MENINGATKAN FIRMA SUPAYA BERHATI-HATI KETIKA HENDAK MENJALANKAN SETIAP PROJEK UNTUK MEMASTIKAN PELAKSANAANNYA MEMENUHI HASRAT EKONOMI BARU NEGARA.

FIMA TIDAK BOLEH MEMENTINGKAN KEUNTONGAN SAJA TETAPI JUGA MENGHALUSI DARI SEGI KEBAIKAN SOSIO-EKONOMI SELURUH NEGARA, KATANYA.

TEGASNYA, FIMA JUGA TIDAK BOLEH HANYA SETAKAT BERUSAHA MEMPROSES DAN MENGETIN BAHAN MAKANAN SAJA, KERANA DENGAN TIDAK MEMPUNYAI TENAGA, KEDUDUKAN PENGELUARAN BAHAN ASAS MUNGKIN AKAN LEMAH.

DR. MAHATHIR MENYATAKAN PENYERTAAN KERAJAAN DALAM BIDANG PERINDUSTRIAN DAN PERUSAHAAN JALAH UNTUK MENGGERAKKAN LEBIH BANYAK LAGI KEGIATAN DALAM BIDANG ITU DAN MENAMBAHKAN PELUANG PEKERJAAN TERUTAMA BAGI KAWASAN LUARBANDAR.

KERAJAAN JUGA, TAMBAHNYA, MAHU LEBIH BANYAK PUSAT PERUSAHAAN DIDIRIKAN DI KAWASAN LUARBANDAR TERUTAMA PERUSAHAAN MEMPROSES DAN MENGETIN BAHAN MAKANAN.

UNTUK MEMASTIKAN MATLAMAT ITU TERCAPI, TINDAKAN TEGAS AKAN DIAMBIL DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA KERANA KAWASAN LUARBANDAR MEMPUNYAI LADANG YANG BESAR DAN TANAH YANG BELUM DIBUKA.

-- BERSAMBONG 1225/SZ

173

516:
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA JUGA KERAJAAN AKAN MENATKAN LAGI TEMO PEMBANGUNAN DISAMPING MENERUSKAN RANCANGAN YANG TIDAK DAPAT DISELESAIKAN AKIBAT KEMEROSOTAN EKONOMI SETAHUN LALU.

BELIAU YAKIN DENGAN EKONOMI NEGARA BERANSOR PULIH, PERUSAHAAN YANG BERASASKAN PERTANIAN AKAN DAPAT MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH PENTING DALAM PEMBANGUNAN NEGARA.

DR. MAHATHIR BERHARAP KOM DAPAT BERJALAN DENGAN TERATUR DAN MENCAPI MATLAMATNYA. -- BERNAMA 1223/SZ

525:

MAHATHIR 4 MELAKA (SAMBUNGAN BERITA 516)

PENGERUSI KOTAK MALAYSIA SDN. BHD. ENCIK LEW SIP HON, BERKATA SYARIKAT TERSEBUT MERUPAKAN PERKONGSIAN ANTARA FIMA DENGAN PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI MELAKA DENGAN MODAL BERBAYAR SEBANYAK \$2 JUTA DARIPADA \$5 JUTA YANG DIBENARKAN.

KILANG TERSEBUT YANG BERMULA AKHIR TAHUN 1974 DIBINA DI KAWASAN SELUAS EMPAT EKAR DAN MEMBERI PEKERJAAN KEPADA 100 ORANG, 70 PERATUS DARINYA ADALAH BUMIPUTRA.

JUMLAH PENGELUARAN KILANG ITU KETIKA MULA-MULA DIBUKA DULU IALAH \$100,000 SEBULAN TETAPI TELAH MENINGKAT SEHINGGA \$350,000 SEBULAN TAHUN INI. -- BERSAMBUNG 1403/SZ

526:

MAHATHIR 5 MELAKA

SEBELUM ITU, KETUA MENTERI, HAJI ABDUL GHANI ALI BERKATA USAHA KERAJAAN NEGERI MENUBUHKAN BEBERAPA KAWASAN PERINDUSTRIAN IALAH UNTUK MEMPERKEMBANGKAN LAGI EKONOMI NEGERI.

KATANYA IA BERTUJUAN MENGADAKAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN KEPADA RAKYAT BUKAN SAHAJA DI BANDAR MALAHAN DI LUARBANDAR DISAMPING MENCAPAI MATLAMAT EKONOMI KERAJAAN.

KETUA MENTERI JUGA BERKATA RAKYAT HARUS SEDAR BAHAWA USAHA MENCAPAI MATLAMAT TERSEBUT MENCAMPIL MASA YANG PANJANG DAN KERJASAMA DARI SEMUA PIHAK ADALAH PERLU UNTUK MENUJU KE ARAHNYA.

BELIAU MENEGASKAN KERJASAMA DAN PENGLIBATAN RAKYAT DALAM RANCANGAN-RANCANGAN KERAJAAN SEMENTA PENTING DAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN MERESTUIN BERSIKAP JUJUR DAN ADIL DALAM MELAKSANAKANNYA.

HAJI GHANI MENYERU RAKYAT SUPAYA MEMBERI SUMBANGAN POSITIF SUPAYA MATLAMAT PEMBANGUNAN NEGARA BERJAYA. -- BERNAMA 1405/SZ